




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **60 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **55,294 kes**. Tiada kes kematian direkodkan.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 53 menjadikan jumlah kumulatif 54,297 orang. Seramai 559 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 240 orang di hospital dan 319 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 39 orang dan 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang berubah dari zon kuning ke zon hijau, Penampang bertukar dari zon kuning ke zon jingga. Manakala Sandakan dan Kota Belud bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning 11 daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

5 **Tiada kluster baharu** direkodkan hari ini.

6 Daripada 60 kes positif COVID-19, sebanyak 23 kes (38.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 13 kes (21.7%) saringan bergejala, 15 kes (25%) dari kluster sedia ada serta sembilan (9) kes (15%) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,939 unit
- Hospital 541 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,978 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 14.19%.

## **B OPERASI BAZAR RAMADHAN DI SABAH**

Memandangkan penyakit Covid-19 di negeri Sabah masih dalam keadaan yang tidak stabil dan telah berlaku beberapa kluster akibat penganjuran majlis sosial dan keramaian di samping tahap pematuhan SOP yang rendah, maka Kerajaan Negeri memutuskan untuk **TIDAK MEMBENARKAN aktiviti Bazar Ramadan di Sabah pada tahun ini.**

## **C PENAMATAN PKPD KAMPUNG LEBAK MOYOH, KOTA BELUD**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud yang dijadualkan tamat pada 8 April 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 558 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak 13 kes telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini adalah terkawal dan semua kes positif telah menerima rawatan manakala kontak rapat telah diasingkan serta dipantau sehingga hari ke-14.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan Negeri bersetuju untuk **menamatkan PKPD di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud pada 8 April 2021 seperti yang dijadualkan.**

## **D PENAMATAN PKPD KAMPUNG SIASAI TAMU, KOTA BELUD**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Siasai Tamu, Kota Belud yang dijadualkan tamat pada 08 April 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 602 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak sembilan (9) kes telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini terkawal dan kes terakhir yang dilaporkan adalah pada 22 Mac 2021 iaitu sebanyak lima (5) kes.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan Negeri bersetuju untuk **menamatkan PKPD di Kampung Siasai Tamu, Kota Belud pada 08 April 2021 seperti yang dijadualkan.**

## **E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini, seramai **1,916** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **45,038** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **3,538** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **34,439** orang.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sejumlah **297,362** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 37 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 16,110 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 88 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dibuat.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 83 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 57 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada kompaun dan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 372 lokasi melibatkan seramai 199 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 123 anggota di 109 lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Keningau, Kinabatangan dan Sandakan.
- 6 Sejumlah 87 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 14 daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 43 hebahan di seluruh sabah.

**H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97.2%**.  
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Tenom	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Beluran	98%
6	Papar	97.5%
7	Beaufort	97.5%
8	Penampang	97%
9	Sandakan	97%
10	Kunak	97%
11	Lahad Datu	97%
12	Kudat	97%
13	Tuaran	97%
14	Ranau	97%
15	Kinabatangan	96%
16	Kota Kinabalu	96%
17	Kota Belud	96%
18	Keningau	96%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
07 APRIL 2021**